

covid-19

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di satu kawasan di Kuala Lumpur dan enam lokasi di Sabah bermula esok sehingga 23 Jun ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kampung Sungai Penchala di Kuala Lumpur akan dilaksanakan PKPD selepas merekodkan peningkatan ketara kes Covid-19 dalam tempoh dua minggu.

PKPD di 6 lokasi di Sabah, satu di KL bermula esok

“Setakat hari ini (semalam), sebanyak 65 kes positif Covid-19 dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Pelaksanaan PKPD dapat memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti Covid-19 kekal berada dalam kawasan serta memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes untuk diasingkan secepat mungkin,” katanya da-

lam kenyataan, semalam.

Bagi PKPD di Sabah, Ismail Sabri berkata, kawasan terabit adalah Kampung Kebayau, Kota Belud; Kampung Batu Layar, Pulau Banggi, Kudat; Taman Wawasan, Beaufort; Kampung Likas, Kota Kinabalu; Kampung Sungai Obar Batu 7 dan Fasa 9B Taman Indah Jaya di Sentosa, Sandakan.

Menurutnya, 11 kes positif

direkodkan dengan kadar positifiti 68.75 peratus di Kampung Kebayau manakala tujuh kes positif dengan kadar positifiti 63.64 peratus di Kampung Batu Layar.

“Di Taman Wawasan pula merekodkan 23 kes positif, Kampung Likas (22 kes) Kampung Sungai Obar (10 kes) dan Fasa 9B Taman Indah Jaya (18 kes).

“Prosedur operasi stan-

dard (SOP) bagi semua PKPD itu sama seperti yang diumumkan sebelum ini,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, PKPD di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Sabah dilanjutkan sehingga 22 Jun ini, selain di Felda Redong 1, Segamat, Johor turut dilanjutkan sehingga 23 Jun ini.

Katanya, pelanjutan PKPD itu berikutan KKM menda-

pati masih berlaku penularan wabak dalam kalangan penduduk serta kes baharu.

Katanya, PKPD di Rumah Panjang Isa anak Blone, Rumah Panjang Ben anak Kuleng dan Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Gelam di Tanjung Manis, Sarawak; Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik dan Taman Desa Rangu di Tawau, Sabah serta Kepulauan Tumpat, Kelantan ditamatkan.